

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 9984

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan ke atas kes penipuan Lamada Lumut Resort yang melibatkan KB Group Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Datuk Roslan Khalid. Berapakah laporan polis telah dibuat di Sibu. Apakah tindakan yang akan ambil oleh Kerajaan dan polis, memandangkan penipuan sebegitu semakin berleluasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua:

PDRM telah menerima laporan berkait Balai Polis Sibu Repot 5816/17 pada 23 Jun 2017 oleh seorang peguam yang mewakili beberapa orang anak guamnya berhubung pembelian “*service apartment*” dalam projek Ramada Lumut Resort.

Siasatan awal PDRM mendapati projek Ramada Lumut Resort sememangnya wujud dan kerja-kerja pembangunan dilaksanakan atas tapak projek tersebut tetapi projek pembangunan ini telah terbengkalai.

PDRM tidak menjalankan siasatan lanjut terhadap kes ini kerana tiada unsur penipuan memandangkan projek berkenaan telah dilaksanakan tetapi terbengkalai. Sehubungan itu, pembeli-pembeli dinasihatkan untuk mengambil tindakan sivil ke atas pemaju yang terlibat serta merujuk perkara ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk apa jua remedi.